



Ibu Bapa/Penjaga yang Dihormati:

Kami berbangga kerana anda dan keluarga anda adalah ahli komuniti kami yang pelbagai ini, di mana lebih daripada seratus bahasa berbeza yang dituturkan. Sekolah Awam Daerah Prince William komited dalam memberikan kepada semua pelajar *Pendidikan Bertaraf Dunia*. Memandangkan hubungan keluarga adalah penting dalam proses tersebut, kami berbangga untuk menawarkan beberapa maklumat asas yang akan membantu setiap ibu bapa dan penjaga untuk memahami dan terlibat dengan pendidikan anak-anak mereka.

Semua bahan-bahan sekolah disediakan dalam Bahasa Inggeris; walau bagaimanapun, kami menterjemah dokumen dan maklumat penting secara berterusan ke dalam bahasa yang paling kerap diminta di kawasan kami

Penutur kebanyakan bahasa boleh mendapat manfaat daripada maklumat penting dan kerap dikemas kini di kedua-dua laman Web Sekolah Awam Daerah Prince William —pwcs.edu—dan laman sekolah individu. Semuanya mengandungi alatan penting Google Translation utama, menawarkan terjemahan terhad dalam lebih daripada 50 bahasa. Terjemahan berkomputer selalunya tidak sempurna, tetapi masih memberikan pautan bernilai kepada maklumat sekolah. Jika anda kekurangan akses komputer di rumah, anda boleh menggunakan satu di mana-mana perpustakaan awam.

Paling penting, Divisyen Sekolah memberikan akses kepada jurubahasa profesional untuk membantu penutur kebanyakan bahasa memahami dokumen mengandungi maklumat penting mengenai hak pelajar dan ibu bapa, tanggungjawab, harapan, dan isu lain yang berkaitan dengan persekolahan dan manfaat dan perkhidmatan yang pelajar boleh terima. Jurubahasa juga boleh membantu dengan persidangan ibu bapa mengenai hal ini untuk memastikan bahawa input semua orang boleh disampaikan dan difahami. Perkhidmatan ini disediakan secara percuma kepada ahli keluarga.

Gunakan mana-mana kaedah ini apabila ada memerlukan bantuan khusus.

- Dalam talian—pergi ke translations.pwcs.edu
- Secara Peribadi—lawati sekolah anak anda. Adalah tidak mungkin penutur bahasa anda akan tersedia. Walau bagaimanapun, pekerja akan menggunakan poster untuk membantu anda.

DR. STEVEN L. WALTS
Superintendent of Schools

Dalam semua kes, anda akan diminta untuk membekalkan yang berikut:

- Nama anda dan nama anak anda;
- Sekolah, tahap gred, dan nama guru anak anda;
- Individu (melalui nama atau pekerjaan) yang anda ingin bercakap dengan, dan subjek perbincangan; dan
- Nombor telefon dan masa terbaik untuk menghubungi anda.

Jika anak anda membawa pulang mesej daripada sekolah meminta perjumpaan; atau anda ingin mengatitkan perbincangan dengan guru atau pegawai sekolah yang lain, gunakan kaedah di atas untuk meminta jurubahasa membantu dengan perbualan penting ini. Seseorang akan menghubungi anda sepantas mungkin.

Penglibatan anda boleh membawa perbezaan positif dalam pendidikan anak anda, dan kami berminat untuk membantu dengan menjadikan perkhidmatan ini tersedia kepada anda. Kami berharap surat ini dengan menyampaikan komitmen Sekolah Awam Prince William County kepada anak anda dan kepada anda. Saya yakin bahawa anda berkongsi keinginan kami untuk setiap pelajar menerima Pendidikan Bertaraf Dunia.

Ikhlas,



Dr. Steven Walts
Nazir Sekolah

*Apabila melawat pwcs.edu, cari glob berwarna-warni untuk mencari halaman dengan maklumat yang diterangkan dalam mesej ini.

